

PERANG SARAF DALAM AKSI GERILA DAN ANTI-GERILA: PENGALAMAN REVOLUSI INDONESIA DI JAWA TENGAH (1948-1949)

Penulis:

Arifin Dwi Slamet¹, Nazarudin Zainun²

Emel:

naza@usm.my²

Abstrak: Perang gerila lazimnya mengambil masa panjang untuk ditamatkan seperti dalam revolusi Indonesia adalah sesuatu yang langka. Sudah tentu kedua-dua belah pihak memerlukan taktik dan strategi yang betul dan sesuai dalam menghadapi pihak lawan. Pihak Republik Indonesia melancarkan aksi gerilanya dan tentunya pihak Belanda menyambutnya dengan aksi anti-gerila. Salah satu taktik yang digunakan dalam aksi gerila dan anti-gerila ialah perang syaraf. Penggunaan taktik perang syarat tentunya memiliki keunikan yang tersendiri terutama dalam konteks operasionalnya. Operasi-operasi secara fizikal yang meliputi kontak senjata atau pertempuran merupakan faktor utama dalam mana-mana perang. Lantaran kelazimannya maka faktor tersebut tidak menjadi pokok perbincangan utama dalam buku ini. Sebaliknya dalam masa yang sama ada juga faktor minor yang justru dilihat sebagai perkara penting dan utama serta menentukan jalannya perang gerila serta tidak patut diabaikan iaitu perang saraf. Lalu apakah bentuk perang saraf dalam aksi gerila dan anti-gerila dalam peristiwa revolusi Indonesia? Bagaimana ianya dilaksanakan serta apakah kesarinya kepada kedua-dua belah pihak? Jadi buku ini akan membawa pembaca ke alam perang saraf dalam tindakan gerila dan anti-gerila dalam peristiwa revolusi Indonesia terutamanya antara 1948-1949 di Jawa Tengah.

Kata Kunci: Perang saraf, strategi, peristiwa, revolusi, faktor



PERANG SARAF

DALAM AKSI GERILA DAN ANTI-GERILA :
PENGALAMAN REVOLUSI INDONESIA
DI JAWA TENGAH (1948-1949)

ARIFIN DWI SLAMET
NAZARUDIN ZAINUN



PERANG SARAF

DALAM AKSI GERILA DAN ANTI-GERILA: PENGALAMAN REVOLUSI INDONESIA DI JAWA TENGAH (1948-1949)

PERANG SARAF

DALAM AKSI GERILA DAN ANTI-GERILA : PENGALAMAN REVOLUSI INDONESIA DI JAWA TENGAH (1948-1949)

*ARIFIN DWI SLAMET
NAZARUDIN ZAINUN*


**Penerbit
UTHM**
2023

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Arifin Dwi Slamet
Nazarudin Zainun

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-46-7

KANDUNGAN

| | |
|------------------|------------|
| <i>Prakata</i> | <i>vii</i> |
| <i>Singkatan</i> | <i>xv</i> |

BAB I PENDAHULUAN

| | |
|-------------------------------|----|
| Pengenalan | 1 |
| Perang Gerila dan Anti-gerila | 4 |
| Perang Saraf | 14 |

BAB II KEADAAN MEDAN DI JAWA TENGAH BAHAGIAN BARAT SEBELUM AKSI TENTERA BELANDA II

| | |
|--|----|
| Pendahuluan | 23 |
| Konflik-Konflik di Garis Belakang | 24 |
| Pemberontakan PKI Madiun, 1948 | 34 |
| Eskalasi Tentera Belanda | 37 |
| Belanda dan Perang Saraf | 40 |
| TNI dan Revolusi Indonesia | 44 |
| Perang Saraf Sebelum Aksi Tentera Belanda II | 50 |
| Rumusan | 53 |

**BAB III TINDAKAN GERILA DAN ANTIGERILA
DALAM AKSI TENTERA BELANDA II**

| | |
|--|----|
| Pengenalan | 55 |
| Pertempuran dalam Aksi Tentera Belanda II | 55 |
| Persediaan TNI Sebelum Aksi Tentera Belanda II | 57 |
| Operasi Ketenteraan Belanda II | 59 |
| Reaksi TNI Terhadap Operasi Ketenteraan Belanda II | 63 |
| Perang Saraf Belanda di Wilayah Republik | 66 |

**BAB IV PERANG SARAF DALAM TINDAKAN GERILA
DAN ANTIGERILA**

| | |
|-------------------------------------|----|
| Pengenalan | 71 |
| Perang Saraf Dalam Sistem Sosial | 71 |
| Perang Saraf Dalam Ekonomi | 79 |
| Perang Saraf TNI Terhadap Rakyat | 89 |
| Kesan Perang Saraf Terhadap Belanda | 95 |

BAB V KESIMPULAN 105

| | |
|--------------------|-----|
| <i>Bibliografi</i> | 111 |
| <i>Indeks</i> | 117 |

PRAKATA



Peristiwa perang kemerdekaan Indonesia atau lebih dikenali sebagai revolusi Indonesia bukanlah sebuah peristiwa usang untuk diabadikan di dalam lipatan sejarah bangsanya. Semakin banyak kajian yang dilakukan menjadikan hasilnya semakin menarik. Keterbatasan sumber bertulis untuk meneliti zaman ini agak meruncing. Hal ini kerana sumber arkib yang melibatkan jangka masa pada zaman perang bahan bertulis amat kurang berbanding dengan zaman sebelumnya iaitu zaman penjajahan Belanda atau zaman sesudah merdeka. Jika dibandingkan jumlah arkib atau sumber sejarah tertulis antara zaman revolusi dan dengan zaman sebelumnya iaitu zaman penjajahan Belanda dan zaman sesudah merdeka, maka jelaslah terlalu jauh beza jumlahnya.

Timbunan bahan arkib daripada pelbagai kementerian dalam tempoh lima tahun sesudah merdeka dapat dilihat dengan banyaknya. Sedangkan lima tahun semasa zaman revolusi agak sukar menemukan timbunan arkib sebanyak itu. Walaupun begitu, jumlahnya tetap ada, namun tidaklah banyak. Kekurangan sumber bertulis ini boleh menyebabkan hasil tulisan sejarah pada zaman ini menjadi tidak lengkap. Maka, dalam hal ini, biasanya bagi melengkapkan sesebuah kajian penggunaan sumber temu bual adalah penampung kekurangan sumber bertulis yang paling penting. Tanpanya banyaklah lompongan di sana sini akan terlihat. Biasanya apabila membincangkan mengenai temu bual, maka pengkaji biasanya akan berpacu dengan masa. Hal ini demikian kerana si pelaku sejarah tidak akan dapat menunggu lama dik kerana dimamah usia.

Dalam keadaan usia peristiwa revolusi Indonesia yang semakin tua, maka sudah tentulah usaha untuk menemu bual para pelakunya menjadi semakin langka dan jumlah pelakunya semakin nadir. Selain daripada

disebabkan kebanyakan daripada mereka sudah pergi menemui Illahi, kepada yang tinggal pula semakin dibelenggu dengan pelbagai penyakit yang biasa dihadapi oleh warga emas. Mereka yang berumur panjang ada yang menghadapi masalah pendengaran, masalah penglihatan dan paling merisaukan ialah masalah ingatan atau memori. Dalam temu bual, daya ingatan adalah sandaran yang paling penting. Jika responden mengalami masalah daya ingat, maka tentulah kredibiliti data dan fakta yang diberikannya boleh dipersoalkan. Biasanya jika semakin berusia seseorang responden, maka potensi untuk pemikiran dan daya ingatan mereka semakin berkurangan dan celaru adalah besar. Sedangkan memori mereka penting kerana penuh dengan aneka warna dan rupa bentuk baik mengenai hasil tindakan mereka sendiri mahupun hasil pengamatan mereka terhadap segala peristiwa pada ketika itu.

Dalam rangka untuk merakamkan pengalaman para pelaku sejarah itulah, maka tulisan ini diabadikan. Walaupun sumbangan mereka dalam teks ini bukanlah majoriti berdasarkan kepada temu bual, tetapi tetap signifikan terhadap buku ini. Walaupun jumlah mereka yang ditemu bual tidaklah begitu ramai, tetapi mereka adalah antara pelaku penting pada ketika itu. Mereka terdiri daripada para pembuat dasar, pelaksana mahupun pemerhati kepada kejadian dalam revolusi tersebut.

Temu bual ini telah dibuat pada awal 1990-an yang pada awalnya hanya disasarkan sebagai sebuah tulisan projek tahun akhir sebuah pengajian peringkat Sarjana Muda sahaja. Banyak maklumat diperolehi daripada temu bual tersebut. Sehingga pada satu masa, timbul kesedaran untuk menjadikannya dalam bentuk buku supaya dapat ditatap oleh lebih ramai lagi peminat sejarah khususnya sejarah zaman revolusi di Indonesia. Berdasarkan tujuan tersebut, maka banyaklah penambahbaikan telah dilakukan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Dalam usaha menghasilkan tulisan ini, banyak pihak yang menyumbang tenaga dan buah fikiran sehingga tidak dapat kami sebutkan satu persatu. Antara nama penting yang dihadirkan dalam buku ini ialah Jeneral TNI (Tentera Nasional Indonesia) (B) Sumitro, Leftenan Jeneral TNI (B) GPH Djatikusumo, Leftenan Jeneral TNI (B) Purbo

SINGKATAN



| | |
|---------|---|
| ABRI | Angkatan Bersenjata Republik Indonesia |
| ADD | <i>Algemene Distributie Dienst</i> |
| AP | Angkatan Perang |
| APRI | Angkatan Perang Republik Indonesia |
| ARA | <i>Algemeen Rijksarchief</i> |
| AS | <i>Algemeene Secretarie</i> |
| BPRI | Barisan Pemberontak Republik Indonesia |
| DI | Darul Islam |
| DLC | <i>Dienst Leger Contracten</i> |
| FDR | Front Demokrasi Rakyat |
| HAMOT | <i>Haare Majesteit Ongeregelde Troepen</i> |
| IVG | <i>Inlichtingen Veiligheids Groep</i> |
| Jaco | <i>Jachtvliegtuigcommando</i> |
| KemPen | Kementerian Penerangan |
| KemPert | Kementerian Pertahanan |
| KL | <i>Koninklijke Landmacht</i> |
| KLM | <i>Koninklijke Luchtvaart Maatschappij</i> |
| KNIL | <i>Koninklijke Nederlands-Indische Leger</i> (sejak 1948 berubah menjadi <i>Koninklijke Nederlands Indonesische Leger</i>) |
| KNIP | Komite Nasional Indonesia Pusat |
| KST | <i>Koprs Speciale Troepen</i> |
| KTN | Komisi Tiga Negara |
| MBKD | Markas Besar Komando Djawa |
| NEFIS | <i>Netherlands Expeditionary Forces Intelligence Service</i> |

| | |
|---------|---|
| NICA | <i>Netherlands Indies Civil Administration</i> |
| ORI | Oeang Republik Indonesia |
| OS | Oesaha Sendiri |
| PBB | Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PETA | Tentera Pembela Tanah Air |
| PID | <i>Politieke Inlichtingen Dienst</i> |
| PKI | Parti Komunis Indonesia |
| PKRI | Parti Katolik Indonesia |
| PNI | Parti Nasional Indonesia |
| PSI | Parti Sosialis Indonesia |
| PSII | Parti Sarekat Islam Indonesia |
| PTTD | Panglima Tentera dan Teritorium Djawa |
| RECOMBA | <i>Regerings Commisaris voor Bestuurs Aangelegenheden</i> |
| ReRa | Rekonstruksi dan Rasionalisasi |
| RI | Republik Indonesia |
| RRI | Radio Republik Indonesia |
| RVD | <i>Regerings Voorlichtingen Dienst</i> |
| TII | Tentera Islam Indonesia |
| TNI | Tentera Nasional Indonesia |
| TP | Tentera Pelajar |
| Transco | <i>Transportcommando</i> |
| TRIP | Tentera Republik Indonesia Pelajar |
| VB | <i>Veiligheidsbataljon</i> |

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Perang gerila seperti juga dengan bentuk peperangan lainnya bukanlah satu fenomena baharu dalam sejarah dunia baik zaman kuno, klasik mahupun moden. Malahan, dikatakan bahawa usia perang gerila adalah sama tua dengan sejarah perang itu sendiri. Bangsa Eropah dan Amerika belajar kaedah-kaedah perang gerila daripada suku-suku Indian di benua Amerika [Lihat bahagian pengantar Roger Hilman dalam Vo Nguyen Giap, 1962: xii]. Mereka kemudiannya mengenal perlakuan perang gerila ini sebagai bentuk aksi atau tindakan sekelompok tentera regular dalam jumlah kecil yang melancarkan operasi mengganggu, melelah/meletih dan kadang kala menghancurkan kekuatan musuh yang dalam perkiraan secara taktik ketenteraan adalah sukar untuk dihancurkan. Kesukaran ini tentunya disebabkan kerana ketiadaan keseimbangan dari segi kekuatan.

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan oleh para pakar apabila merujuk kepada bentuk perang yang seperti ini. Selain daripada disebut sebagai perang gerila (*guerilla warfare*), disebut juga sebagai *insurgency operations*, perang partisan (*partisan warfare*), operasi paratentera (*para-military operations*), *internalwar*, perang irregular (*irregular warfare*) dan perang revolusioner (*revolutionary warfare*). Kesemua istilah yang dibincangkan di atas adalah menjurus kepada maksud perang gerila. Maka, dalam buku ini istilah 'perang gerila' digunakan dengan mengambil kira apa yang dikatakan oleh Arthur Campbell:

Perang gerila adalah nama asal yang diberikan kepada bentuk dasar daripada aktiviti tentera ini. Bangsa Sepanyol adalah yang pertama mengembangkan pertempuran ini

BAB II

KEADAAN MEDAN DI JAWA TENGAH BAHAGIAN BARAT SEBELUM AKSI TENTERA BELANDA II

Pendahuluan

Sebaik sahaja selesai Perang Dunia II, setelah Jepun menyerah kalah, maka telah diatitkan kemasukan semula tentera Belanda dengan dibantu oleh pasukan tentera Berikat ke Indonesia khususnya ke Pulau Jawa. Kawasan ini menjadi tumpuan kerana di Pulau Jawa lah terletak pusat pentadbiran Belanda sebelum kalah kepada pasukan Jepun pada Mac 1942. Pulau Jawa jugalah yang menjadi penyumbang terbesar ekonomi selama penjajahan Belanda. Dengan demikian tidak hairanlah jika pilihan utama dan pertama yang mahu diambil semula oleh Belanda adalah Pulau Jawa.

Kemasukan semula Belanda ke Indonesia ini tentunya mendapat tentangan daripada pihak Indonesia. Ini kerana sebaik sahaja Jepun mengumumkan bahawa mereka menyerah kalah dalam Perang Dunia II kepada tentera Berikat, setelah Hiroshima dan Nagasaki masing-masingnya dibom dengan bom atom pada 6 dan 9 Ogos 1945, pihak Jepun menyerah kalah pada 14 Ogos 1945 dan menandatangani dokumen menyerah kalah pada 2 September 1945. Berikutan daripada menyerahnya Jepun dalam Perang Dunia II, maka pihak Republik Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan negara Republik Indonesia pada 17 Ogos 1945. Serentak dengan itu, berdirilah pelbagai pasukan yang berunsur ketenteraan di wilayah Republik Indonesia. Sebahagian besar daripada mereka adalah bekas anggota PETA (Tentera Pembela Tanah Air) yang dilatih oleh Jepun bagi digunakan dalam kempen perang Asia Timur Rayanya. Tetapi malangnya pasukan PETA ini tidak sempat digunakan, sebaliknya Jepun telah menyerah kalah setelah bom atom digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki oleh Amerika. Selain

BAB III

TINDAKAN GERILA DAN ANTI-GERILA DALAM AKSI TENTERA BELANDA II

It is impossible to use modern weapons against guerilla systems; a difficult system of people's war. The first phase must be an indirect war in the form of intelligence on the enemy's social, economic, cultural and political systems and its diverse aspects of life. It has to be understood, empowered and infiltrated.

B. H. Liddell-Hart (1895-1970)

Pengenalan

Dalam bab ini pembahasan terarah kepada aspek-aspek pelaksanaan perang saraf secara umum. Berdasarkan keadaan di lapangan ketika itu ternyata selepas persetujuan Renville bahawa masyarakat di wilayah yang dikuasai oleh Republik Indonesia memberikan tindak balas positif terhadap Belanda sebagai akibat daripada usaha-usaha pendekatan psikologis dalam perang saraf mereka terhadap rakyat Indonesia terutamanya dalam fasa-fasa awal Aksi Tentera Belanda II.

Pertempuran Dalam Aksi Tentera Belanda II

Pada 19 Disember 1948 Belanda melancarkan aksinya yang kedua dalam Perang Kemerdekaan Republik Indonesia. Aksinya yang kedua ini kemudiannya lebih popular dipanggil Aksi Tentera Belanda II. Walaupun gerakan operasi tentera Belanda berlangsung hampir serentak di beberapa daerah dalam wilayah Republik Indonesia berdasarkan Persetujuan Renville, namun demikian tujuan utama daripada Aksi

BAB IV

PERANG SARAF DALAM TINDAKAN GERILA DAN ANTI-GERILA

Pengenalan

Dalam bab ini khusus membicarakan tentang taktik gerila dan anti-gerila selama Aksi Tentera Belanda II serta kaedah-kaedah pelaksanaannya. Penekanan kepada kaedah dan pelaksanaan perang ini dalam sistem sosial dan ekonomi serta perang saraf diberikan pada peringkat ini. Satu analisis umum berkaitan isu ini dibuat bagi menjelaskan tindakan gerila dan anti-gerila kedua-dua belah pihak.

Perang Saraf Dalam Sistem Sosial

Operasi psikologi sebagai sebahagian daripada perang saraf Belanda terhadap rakyat di wilayah Republik Indonesia dapat dikatakan memperoleh beberapa 'kemudahan'. Pertama Instruksi Pimpinan Pertahanan Rakyat yang dikeluarkan oleh para pamong praja (pemerintah/kerajaan tempatan) di beberapa daerah menyebut tentang pembentukan susunan teritorial [KemPert., Pamong Praja, 1948]. Pembentukan yang dimaksudkan ialah untuk menciptakan sistem terpadu daripada penguasa dan rakyat bagi menghalang (antisipasi) propaganda dalam perang saraf pihak Belanda serta segala unsur dan sokongan terhadapnya. Semua arahan tersebut telah dikeluarkan sebelum pihak Belanda melancarkan Aksi Tentera Belanda II. Kenyataannya di lapangan menunjukkan bahawa pemerintahan teritorial-awam dan tentera (TNI) harus mengungsi keluar dari kota-kota yang diduduki oleh pihak Belanda. Dengan kata lain, melalui situasi tersebut terbukalah kesempatan bagi pihak Belanda untuk melaksanakan perang syarafnya dalam keadaan hampir tanpa sebarang gangguan dan hambatan daripada pihak lawan.

BAB V

KESIMPULAN

Dalam Aksi Tentera Belanda I mahupun Aksi Tentera Belanda II atau sesetengah pihak menamakannya sebagai Perang Kemerdekaan Indonesia I dan II, aksi-aksi gerilanya menjadi ciri khas sistem perang yang diselenggarakan oleh rakyat Indonesia. Perang ini jelas daripada rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Fakta-fakta ini jelas bersandarkan kepada sistem pertahanan rakyat semesta yang diterapkan dalam menghadapi pihak lawan. Sistem Pertahanan Rakyat Semesta adalah sebagai strategik penyelenggaraan daripada Perang inkonvensional APRI. Jelas dalam perang ini tugas-tugas pertahanan tidak hanya dilakukan oleh kekuatan pihak tentera untuk tugas-tugas semacam itu, tetapi juga oleh rakyat. Dalam kenyataannya rakyat adalah asas atau fondasi kepada angkatan perang model tentera rakyat (*people's forces*) gaya Indonesia. Rakyat mempunyai peranan yang dominan di dalamnya. Rakyat dalam hal ini bukan hanya menjadi inti dukungan moral gerila kepada pihak tentera secara psikologi tetapi juga turut terlibat secara dominan dalam perang secara fizikal termasuk mengangkat senjata. Mereka juga sama ada disedari atau tidak, turut dilibatsama dalam perang saraf baik dalam konteks perang gerila mahupun anti-gerila.

Jika dilihat dari sudut terminologi, istilah gerilawan di dalam buku ini dalam konteks aksi gerila di Indonesia nampak terkeluar daripada maksud gerilawan itu sendiri. Jika dibandingkan dengan pernyataan Jeneral TNI (B) Sumitro, bahawa gerilawan TNI tidak menunjukkan ciri-ciri sebagai gerilawan sebenar. Pada prinsipnya, setidak-tidaknya berlaku di Indonesia bahawa gerilawan bukanlah sosok-sosok yang berorientasi kepada organisasi tentera konvensional, seperti pembahagian unit-unit personel dalam *division*, brigade, rejimen, batalion, kompeni atau platon. Secara luas sikap gerila-isme lahir

BIBLIOGRAFI



Sumber Primer

Dagrapporten van de Legercommandant Betreffende de Tweede Politionele Actie, 1948, Inventaris Algemeen Rijksarchief, ANRI.

Inkomsten-Reglementen t.b.v. de Veiligheids-bataljons, Bandung, 30 Augustus 1949, Inventaris Aleggemeene Secretarie, ANRI.

Instructie Bekerdjja Pemerintahan Militer Seluruh Djawa, dikeluarkan di tempat pada tanggal 25 Desember 1948, Inventaris Kementerian Pertahanan, ANRI.

Laporan dari Daerah Pendudukan di Tjilatjap, Yogyakarta, 8 Mei 1948, dari Anggota MBA-SOI kepada Kepala SOI Seksi Angkatan Laut, Inventaris Kementerian Pertahanan, ANRI.

Memorandum Betreffende de Instelling van het Instituut van 'Veiligheidsbataljons', Batavia, 22 Oktober 1947, Inventaris Aleggemeene Secretarie, ANRI.

Memorandum No. 922 ddo. 12 Januari 1948 van hoofd RVD aan Mr. van Goudoever (Federale Contacten), Inventaris Aleggemeene Secretarie, ANRI.

Nieuwsgier, 1949, Inventaris Kementerian Penerangan, ANRI.

Perintah Siasat, No. 1/Stop/48, 12 Juni 1948, Inventaris Kementerian Pertahanan, ANRI.

RVD Nieuws Buletin, 1948-1949, Inventaris Kementerian Penerangan, ANRI.

Sekitar Coup di Madiun, hingga 15 Oktober 1948, Inventaris Kementerian Pertahanan, ANRI.

Situasi Perang Urat-Syaraf Musuh di Djawa, sampai 16 Maret 1948, Inventaris Kementerian Pertahanan, Arsip Nasional Indonesia (ANRI).

Tanham, George K., W. Robert Warne, Earl J. Young, William A. Nighswonger, *War Without Guns*, New York: Frederick A. Praeger, 1966.

Territoriale Eenheden van de TNI, 1948, Inventaris Algemeen Rijksarchief, ANRI.

Thompson, Robert Grainger Ker., *Defeating Communist insurgency: the lessons of Malaya and Vietnam*, New York: F. A. Praeger, 1966.

Voorlichting Bevolking Nieuw Bezette De Gebieden, KNIL-KL, Batavia, 8 Januari 1949, Inventaris Alegeemeene Secretarie, ANRI.

Sumber Sekunder

Buku dan Artikel

Ruslan Abdulgani. (1983). Peranan Panglima Besar Sudirman dalam revolusi Indonesia. Dalam Sides Sudyarto (Ed.). *Tingkah laku politik Panglima Besar Soedarman*. (pp. 35-60). Jakarta: PT Karya Unipress.

Alger, J. I. dan Griess, T. E. (Eds.). (1985). *Definitions and Doctrine of the Military Art: Past and Present*. New York: Departement of History, U. S. Military Academy West Point.

Bonds, R. (Ed.). (1977). *The encyclopedia of land warfare in the 20th century*. London: Salamander Books.

Cambell, A. (1986). *Guerillas: A history and analyses from Napoleon's, time to the 1960s*. New York: The John Day Company.

DEKDIKBUD. (1985). *Magelang pada masa revolusi khisik periode 1945-1949*. Yogyakarta: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional.

- Van Dijk, C. (1983). *Darul Islam: Sebuah Pemberontakan*. Jakarta: Grafitipers.
- Dixon, C. A. & Heilbrunn, O. (1954). *Communist Guerilla Warfare*. London: Geotge Allen & Unwin Ltd.
- Djamhari, S. A. (1967). *Markas besar Komando Djawa 1948-1949*. Jakarta: Lembaga Sedjarah Hankam.
- Drooglever, P. J. & Schouten, M. J. B. (Ed.). (1985). *Officiele Bescheiden Betreffende de Nederlands-Indonesische Betrekkingen 1945-1950, Jld. 12*. Den Haag: Martinus Nijhoff.
- Drooglever, P. J. & Schouten, M. J. B. (Ed.). (1985). *Officiele Bescheiden Betreffende de Nederlands-Indonesische Betrekkingen 1945-1950, Jld. 13*. Den Haag: Martinus Nijhoff.
- Giap, Vo Nguyen. *Peoplè's War Peoplè's Army: The Viet Cong Insurrection Manual for Underdeveloped Countries*. New York: Frederick A. Praeger, 1962.
- Heijboer, P. (1979). *De Politionele Acties, 1945-1949: De Strijd om Indie*. Haarlem: Fibula-Van Dishoeck.
- Ide Anak Agung Gde Agung. (1985). *Renville*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- Imran, Amrin dan Ariwiadi (Eds.). (1985). *Peranan Pelajar Dalam Perang Kemerdekaan*. Jakarta: Pusat Sejarah dan Tradisi ABRI.
- De Jong, J. (1988). *Het Koninkrijk der Nederland in de Tweede Wereld Oorlog, Jld. 12 (Epilog) Pertengahan Kedua*. Amsterdam: Rijksinstituut voor Oorlogsdocumentatie.
- Kahin, G. M. (1980). *Nasionalisme dan revolusi di Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kingston-McCloughry, E. J. (1960). *Defense policy and strategy*. New York: Frederick A. Praeger.
- Lacquerur, W. (1976). *Guerilla: A historical and critical study*. Boston dan Toronto: Little Brown and Company.

- Lapre, S. A. (1987). *Het Andjing NICA Bataljon (KNIL) in Nederlands-Indie (1945-1949)*. Ermelo: n.p.
- Liddell-Hart, B. H. (1965). *Strategy, Cet. XI*. New York: Frederick A. Praeger.
- Mao Tse Tung. (1956). *Selected Military Writings*. People's Republic of China: n.p.
- Nazarudin Zainun. (2015). *Kemelesetan Ekonomi Dunia: Pengalaman Pulau Jawa (1929-1935)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazarudin Zainun. (2019). *Logistik Tentera Nasional Indonesia Dalam Perang Gerila di Jawa Tengah 1947-1949*, Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nazarudin Zainun. (2019). *Revolusi dan Rakyat: Kesan Sosioekonomi di Jawa Tengah 1947-1949*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasution, A. H. (1964). *Pokok2 Gerilja, Cet. II*. Jakarta: Pembimbing CV.
- Nasution, A. H. (1978). *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia, Jld. 6*, Bandung: Disjarah-AD dan Penerbit Angkasa.
- Nasution, A. H. (1978). *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia, Jld. 7*, Bandung: Disjarah-AD dan Penerbit Angkasa.
- Nasution, A. H. (1978). *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia, Jld. 9*, Bandung: Disjarah-AD dan Penerbit Angkasa.
- Nasution, A. H. (1978). *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia, Jld. 10*, Bandung: Disjarah-AD dan Penerbit Angkasa.
- Nasution, A. H. "Taktik dan Strategik Perang Klasik dan Modern di Nusantara". Makalah dalam *Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Ke-II*, Kuala Lumpur: 16-20 Augustus 1989.

- Nemo, "The Place of Guerilla Action in War", *Military Digest*, no. 39, Oktober.
- Notosusanto, Nugroho, "Soedarman: Panglima yang Menepati Janjinya", *Prisma*, No, 8, Thn. VI, Agustus 1977.
- Notosusanto, Nugroho dan Marwati Djoned Poesponegoro (ed.), *Sejarah Nasional Indonesia, Jilid 6*, Jakarta: PN Balai Pustaka, 1984.
- Paret, Peter dan John W. Shy, *Guerillas in the 1960s*. New York: Frederick A. Praegar, 1962.
- Pramono, et.al., *Badan-Badan Perjuangan*. Jakarta: Pusat Sejarah dan Tradisi ABRI, 1983.
- Pustay, John S., *Country Insurgency Warfare*. New York: The Free Press, 1966.
- Reid, Anthony, *The Indonesian National Revolution 1945-1950*, Victoria Australia, Longman, 1974.
- SESKOAD, *Serangan Umum 1 Maret 1949 di Yogyakarta: Latar Belakang dan Pengaruhnya. Cetakan II*, Jakarta: PT Citra Lamtoro Gung Persada, 1990.
- Sills, David L. (ed.), *International Encyclopedia of the Social Sciences, Vol. 11-12*, New Yirk: The MacMillan Company and the Free Press, 1968.
- Simatupang, T. B., *Laporan Dari Banaran*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1980.
- Soegiono, *Kisah D jatuhnya Ibu Kota Republik Indonesia Yogyakarta*, Badan Penerbit Nusantara, 1953.
- Sumarno, I. (1985). *Indonesia Merdeka atau Mati: Sejarah Pasukan Pelajar Imam Selama Perang Kemerdekaan 1945-1949*. Jakarta: Keluarga Besar IMAM.

Suputro, R., *Tegal dari Masa ke Masa*. Jakarta: Bagian Bahasa Djawatan Kebudayaan Kementerian PP dan K, 1959.

Suryohadiproyo, Sayidiman, "Pemikiran Strategik Militer Indonesia Masa Perang Kemerdekaan: Antara Konsep dan Pelaksanaannya", *Histori*, Vol. 1, No. 2, 1992.

Tashadi, *et.al.*, *Sejarah Revolusi Kemerdekaan (1945-1949) di Daerah Istimewa Yogyakarta*. Jakarta: Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional DEKDIKBUD, 1991.

Venner, Dominique. *Westerling 'de Eenling'*. Amsterdam: Teleboek BV., 1982.

Widjaja, Indra. *Falsafah Perang Sun Tzu*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya, 1989.

Sumber Lisan

Jenderal TNI (B) Sumitro, 10 September 1991.

Letnan Jenderal TNI (B) GPH Djatikusumo, 4 Agustus 1991.

Letnan Jenderal TNI (B) Purbo S. Suwondo, 23 Juli 1991.

Letnan Jenderal TNI (B) Sayidiman Suryohadiprojo, 10 September 1991.

Major Jenderal TNI (B) Sambas Atmadinata, 28 Juni 1991.

Brigadir Jenderal TNI (B) Lukas Kustaryo, 27 Juni 1991.

Kolonel TNI (B) Alex Evert Kawilarang, 1 Agustus 1991.

Mayor TNI (B) Slamet, 3 Agustus 1991.

Drs. Moh. Hatta, 10 Agustus 1976 (Video).